



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542  
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA**  
**DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**  
Bagi Minggu 19/2010 (9 hingga 15 Mei 2010)

Sejumlah 766 kes demam denggi dengan 2 kematian telah dilaporkan bagi tempoh 9 hingga 15 Mei 2010, peningkatan sebanyak 6 kes (1%) berbanding 760 kes pada minggu sebelumnya. Enam (6) negeri menunjukkan peningkatan kes iaitu Selangor (36 kes), N.Sembilan (9 kes), Melaka (5 kes), Terengganu (4 kes), Pahang (2 kes) dan P.Pinang (1 kes) seperti di lampiran A.

Jumlah kes terkumpul yang dilaporkan bagi tahun ini adalah 17,981 kes berbanding 20,187 kes bagi tempoh yang sama tahun 2009. Walaupun bilangan kes menurun sebanyak 11% pada tahun ini, namun bilangan kematian meningkat dengan kadar yang sama (11%) dari 52 kematian tahun lepas kepada 58 kematian dalam tempoh yang sama tahun ini.

Dua (2) kematian yang dilaporkan pada minggu lepas adalah dari Selangor. Kedua-dua kes kematian yang disebabkan oleh *Dengue Shock Syndrome* ini berlaku di kawasan yang mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi iaitu di antara 2.0% hingga 3.6% dan satu daripadanya berlaku di kawasan *hot spots* denggi.

Sepanjang minggu lepas, terdapat 36 kawasan *hot spots* yang masih aktif, berbanding 35 lokaliti *hot spots* pada minggu sebelumnya, melibatkan negeri-negeri seperti Selangor, WP Kuala Lumpur, Johor, Pahang dan N.Sembilan (Lampiran C). Daripada jumlah tersebut, 18 kawasan masih mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi dan hanya 4 (11%) dari 36 lokaliti *hot spots* melaksanakan aktiviti gotong-royong untuk membersihkan kawasan tersebut (Lampiran D).

Sikap tidak endah masyarakat dalam memastikan tempat tinggal dan tempat kerja mereka bebas dari pembiakan denggi menyukarkan usaha-usaha mengawal penularan penyakit ini dan meningkatkan risiko kematian akibat denggi. Penyemburan racun serangga semata-mata oleh Jabatan Kesihatan tidak akan berkesan kerana nyamuk dewasa baru akan muncul selepas semburan selagi tempat-tempat pembiakan Aedes masih wujud. Usaha pemusnahan tempat pembiakan secara individu juga tidak akan berkesan kerana nyamuk yang membiak di rumah jiran boleh terbang dan mengigit jirannya pula. Oleh itu, masyarakat setempat di kawasan bermasalah denggi, disaran agar dapat berkerjasama memastikan kediaman dan tempat kerja mereka bebas dari pembiakan nyamuk Aedes melalui aktiviti gotong-royong serta meluangkan masa 10 minit seminggu memeriksa rumah masing-masing. Pemimpin masyarakat setempat juga diseru untuk mengambil inisiatif menggerakkan masyarakat setempat kearah tersebut.

Kementerian Kesihatan turut mengalu-alukan penglibatan pihak swasta dan agensi lain dalam usaha memerangi penyakit demam denggi, dengan memberi sokongan kepada aktiviti yang dianjurkan oleh pihak terlibat samada diperingkat kementerian, negeri ataupun daerah. Pihak Kementerian ingin mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi penghargaan kepada syarikat swasta seperti Syarikat Sara Lee dan Syarikat Reckitt

Benkiser kerana turut sama mengaktifkan masyarakat untuk terlibat dalam aktiviti pencegahan demam denggi. Diharapkan lebih banyak lagi syarikat swasta tampil ke hadapan dalam melaksanakan tanggungjawab sosial seperti ini. Kementerian Kesihatan turut menghargai kerjasama pihak media cetak dan media elektronik dalam membantu pihak kerajaan menyampaikan maklumat mengenai penyakit demam denggi kepada masyarakat dan diharap usaha murni ini dapat diteruskan.

Bagi tempoh 9 hingga 15 Mei 2010, sejumlah 3 kes penyakit Chikungunya dilaporkan, penurunan sebanyak 2 kes berbanding 5 kes pada minggu sebelumnya. Tiga kes yang dilaporkan adalah 2 dari Selangor dan 1 kes di N.Sembilan. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 549 kes berbanding 1,945 kes, penurunan sebanyak 1,396 kes (72%) untuk tempoh yang sama pada tahun 2009.

**(TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

18 Mei 2010

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 19/2010  
(9 hingga 15 Mei 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 19/2010	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 19/2009
		Minggu 19 (9 – 15 Mei 2010)	Minggu 18 (2 – 8 Mei 2010)		
1	Perlis	4	4	52	89
2	Kedah	21	23	256 (2)	408
3	P. Pinang	18	17	417 (2)	1,211
4	Perak	33	38	655 (2)	1,646
5	Selangor	337 (2)	301	8,407 (29)	10,629 (38)
6	WPKL & Putrajaya	91	92	2,079 (4)	1,770 (6)
7	N. Sembilan	51	42	821 (3)	394 (4)
8	Melaka	15	10	198 (3)	266
9	Johor	53	88	1,144 (3)	1,184 (2)
10	Pahang	17	15	452 (1)	373 (1)
11	Terengganu	15	11	358	486
12	Kelantan	32	35	463 (2)	580
13	Sarawak	44	47	1,943 (6)	717
14	Sabah	35	37	728 (1)	416 (1)
15	WP Labuan	0	0	8	18
	<b>Jumlah</b>	<b>766 (2)</b>	<b>760</b>	<b>17,981 (58)</b>	<b>20,187 (52)</b>

Nota: ( ) Kematian

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 19/2010  
(9 hingga 15 Mei 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul Minggu 1-19 Tahun 2010	Jumlah Terkumpul Minggu 1- 19 Tahun 2009
		Minggu 19 ( 9 – 15 Mei 2010)	Minggu 18 ( 2 – 8 Mei 2010)		
1	Perlis	0	0	0	21
2	Kedah	0	0	0	235
3	P. Pinang	0	0	3	84
4	Perak	0	0	3	296
5	Selangor	2	0	19	353
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	76
7	N. Sembilan	1	0	1	30
8	Melaka	0	0	0	0
9	Johor	0	0	1	124
10	Pahang	0	0	1	63
11	Terengganu	0	0	1	42
12	Kelantan	0	0	2	331
13	Sarawak	5	5	502	286
14	Sabah	0	0	9	4
15	WP Labuan	0	0	7	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>3</b>	<b>5</b>	<b>549</b>	<b>1,945</b>

Bilik Gerakan CPRC Kebangsaan  
Bahagian Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia

## SENARAI LOKALITI "HOT SPOTS" SEHINGGA 15 Mei 2010 (Mg 19)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MPKJ	Taman Sepakat Indah	62	90
2	SELANGOR	MBPJ	SS 9A	35	79
3	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 3 Taman Pelangi Semenyih	48	73
4	SELANGOR	MPAJ	Pandan Mewah (Zon A)	26	69
5	SELANGOR	Gombak	Taman Desa Jaya	21	60
6	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Baiduri Bandar Tasik Kesuma	20	56
7	SELANGOR	MBPJ	Apartment Impian PJU 10	7	40
8	SELANGOR	MPSJ	Pusat Bandar Puchong (Jalan Wawasan 1)	11	39
9	SELANGOR	MPSJ	Pst Bandar Puchong (Wawasan 2)	7	39
10	SELANGOR	MBPJ	SS 22	7	38
11	SELANGOR	MPAJ	Taman Melawati (Zon 5)	12	37
12	SELANGOR	MPKJ	Taman Koperasi LLN	7	37
13	SELANGOR	MPKJ	Taman Kajang Mewah	12	34
14	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Jasmin (2)	9	34
15	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Delima Kajang (2)	5	34
16	SELANGOR	Hulu Langat	Hostel Kolej Politek Mara Bangi	12	33
17	SELANGOR	Hulu Langat	Fasa 2 Seksyen 3 Tambahan	7	32
18	SELANGOR	MPAJ	Taman Permata (Zon A)	10	32
19	WPKL	Cheras	Taman Maluri Jalan Jejaka	16	75
20	WPKL	Cheras	Desa Tasik (Polis)	17	44
21	WPKL	Cheras	Desa Tasik (Awam)	5	34
22	WPKL	Setapak	Taman Setapak (Jalan Bakubang, Tioman)	6	32
23	WPKL	Setapak	Heritage Kondo	6	36
24	WPKL	Klang Lama	Vista Angkasa	25	86

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Tempoh Wabak Berlaku (Hari)</b>
25	WPKL	Kepong	Ampat Tin (R,K,A,T)	7	38
26	WPKL	Kepong	Quarters Kerajaan Jalan Duta	8	35
27	WPKL	Damasara	Apartment Putra Ria	11	38
28	WPKL	Damasara	Apartment Abdullah Hukum	7	37
29	JOHOR	MPPG	Taman Mawar, Pelentong	10	41
30	JOHOR	MPJBT	Taman Sri Skudai Jalan Emas	11	33
31	JOHOR	Kluang (PBT)	Taman Kluang Barat	10	31
32	PAHANG	Rompin	Bandar Melati	8	38
33	PAHANG	Kuantan	PAKR Kg Padang	11	32
34	N.SEMBILAN	Seremban	Taman Rasah Jaya F1 (Ep 2)	9	39
35	N.SEMBILAN	Seremban	Taman Marida (Anggerik/Taman Melati)	9	37
36	N.SEMBILAN	Seremban	Flat Dahlia Seremban 2	15	35

## Lampiran D

**SENARAI LOKALITI “HOT SPOTS” YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR  
PEMBAIKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI BAGI MINGGU KE-19**

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)</b>	<b>Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa</b>
1	JOHOR	MBPJ	Taman Mawar Pelentong	18.3	18
2	JOHOR	MPJBT	Taman Sri Skudai Jalan Emas	11.3	11
3	WP KL	Kepong	Ampat Tin (R, K, A, T)	11.0	11
4	WP KL	Setapak	Taman Setapak (Jalan Bakubang Tioman)	10.0	10
5	SELANGOR	MPSJ	Pusat Bandar Puchong (Jalan Wawasan 1)	5.0	7
6	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Jasmin (2)	4.3	4
7	SELANGOR	MPAJ	Pandan Mewah (Zon A)	4.0	4
8	WPKL	Setapak	Heritage Condo	4.0	4
9	WPKL	Cheras	Taman Maluri (Jalan Jejaka)	4.0	3.6
10	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Delima kajang (2)	3.8	4
11	WP KL	Cheras	Desa Tasik (Polis)	3.0	3
12	SELANGOR	Hulu Langat	Fasa 2 Seksyen 2 Tambahan	2.4	2
13	N. SEMBILAN	Seremban	Taman Marida (Anggerik / Taman Melati)	2.0	2
14	JOHOR	Kluang (PBT)	Taman Kluang Barat	1.8	2
15	N.SEMBILAN	Seremban	Taman Rasah Jaya F1 (Ep.2)	1.8	2
16	SELANGOR	MPAJ	Taman Permata (Zon A)	1.6	2
17	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Baiduri Bandar Tasik Kesuma	1.4	1
18	SELANGOR	MBPJ	SS22	1.1	1